

10 NOV 2000

RAFIDAH-APEC

MALAYSIA AKAN CADANG RANGKAIAN MAYA PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Malaysia akan mencadangkan pembinaan rangkaian pusat pembangunan kemahiran bagi ekonomi-ekonomi serantau di mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang akan diadakan di Brunei, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini.

Rangkaian maya itu akan memudahkan pertukaran maklumat yang berterusan mengenai model-model pembangunan kemahiran yang berjaya di seluruh APEC menerusi perkongsian pengetahuan, sumber dan kos, program pertukaran dan guna pakai amalan terbaik, kata kepada sidang media di pejabatnya di sini mesyuarat APEC di Brunei yang bermula hari ini dengan Mesyuarat Pengawai Kanan (SOM).

Selepas SOM, para menteri akan memulakan mesyuarat dua hari dan diikuti oleh Sidang Kemuncak APEC pada 15-16 Nov.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan berlepas ke sana minggu depan untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin.

Rafidah yang akan berlepas untuk Mesyuarat Peringkat Menteri Ahad ini, berkata Pusat Kemajuan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) telah menawarkan diri untuk menjadi penyelaras rangkaian maya itu.

Ia akan memberi faedah kepada ekonomi-ekonomi APEC dengan mengurangkan masa dan sumber yang diperlukan untuk membangunkan industri atau program-program spesifik yang memenuhi perubahan pesat dalam keperluan latihan serta membolehkan pengambilan sumber dari anggota-anggota maju dan membangun rantau ini, katanya.

Satu lagi usaha utama unilateral yang diambil untuk meningkatkan kerjasama serantau adalah menghapuskan tarif di bawah Pelan Tindakan Individu (IAP) bagi 2000 di mana ia samada telah mengurang atau menghapuskan tarif ke atas 541 barangan termasuk makanan, kertas, kasut, fabrik tenun dan Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA).

Rafidah juga berkata terdapat juga usaha-usaha berterusan oleh Malaysia untuk menyelaras standard ke atas kelengkapan elektrik dan elektronik, label makanan, produk getah dan jentera dengan standard antarabangsa.

Malaysia turut terlibat dalam peraturan pertukaran maklumat mengenai standard bagi keselamatan mainan dan kelengkapan elektrik dan elektronik.

Malaysia juga telah menunjukkan kemajuan menerusi pengecualian duti import bagi bahan dan komponen mentah bagi syarikat-syarikat pembuatan dan komponen yang diguna bagi kitaran semula dan rawatan air.

Rafidah berkata Malaysia juga terlibat dalam Skim Kad Perjalanan Perniagaan APEC (ABTC), bersama-sama dengan Australia, Chile, Hong Kong, Korea Selatan, New Zealand dan Filipina.

ABTC adalah skim visa kemasukan pelbagai bagi membolehkan perjalanan ahli-ahli perniagaan ke ekonomi-ekonomi yang menyertainya.

Pada masa yang sama, katanya, Malaysia akan menyumbang kepada kejayaan laman web baru APEC, BizAPEC.com, yang menyediakan hubungan pusat kepada berbagai pengkalan data maklumat APEC yang berguna kepada perniagaan-perniagaan.

Malaysia juga akan menyumbang kepada memperbaiki persekitaran mesra perniagaan menerusi usaha kerja APEC mengenai kemudahan perdagangan.

Antara tindakan bersama kemudahan perdagangan APEC adalah untuk menyelaras standard domestik dengan standard antarabangsa dalam empat sektor utama, iaitu makanan, elektrik, jentera dan produk getah, menjelang 2005, serta menyelaras semua keupayaan standard elektrik dan

elektrik magnet menjelang 2008.

Sementara itu, Rafidah berkata Mesyuarat Peringkat Menteri akan membuat susulan ke atas arahan yang diberikan kepada para pegawai tahun lepas bagi memajukan usaha ke atas liberalisasi perdagangan dan pelaburan dan kerjasama ekonomi dan teknologi (ECOTECH).

Ia termasuk memperbaiki IAP kepada lebih mesra perniagaan serta meningkatkan Pelan Tindakan Bersama (CAP) yang termasuk mencari cara untuk mengurangkan tarif, prosedur kastam dan memudahkan pergerakan ahli-ahli perniagaan.

Mesyuarat APEC juga akan menyentuh isu-isu bagaimana ekonomi-ekonomi boleh meraih faedah daripada pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), dan usaha mengenai pembangunan sumber manusia dan pembinaan kapasiti bagi menangani "jurang pengetahuan digital".

Akan diadakan juga pertukaran pandangan mengenai sumbangan APEC kepada sistem perdagangan pelbagai hala dan pembiakan peraturan perdagangan serantau (RTA) dan perbincangan mengenai kesan harga minyak mentah yang lebih tinggi ke atas ekonomi-ekonomi APEC.

-- BERNAMA

MR SD JR MA